

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : PENTAKSIRAN REKA
BENTUK DAN TEKNOLOGI
SEKOLAH RENDAH

KOD KURSUS : BBR20703

PROGRAM : SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (SEKOLAH
RENDAH) DENGAN
KEPUJIAN

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2012/JANUARI
2013

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN :

1. JAWAB **SEMUA** SOALAN DI BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B, SERTA MANA-MANA **DUA (2)** SOALAN DI BAHAGIAN C.
2. JAWAPAN BAHAGIAN A DAN B HENDAKLAH DIJAWAB DALAM BUKU SOALAN INI. MANAKALA JAWAPAN BAGI BAHAGIAN C HENDAKLAH MENGGUNAKAN BUKU SKRIP JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.
3. BUKU SOALAN HENDAKLAH DISERAHKAN BERSAMA SKRIP JAWAPAN ANDA PADA AKHIR PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA BELAS (13)** MUKA SURAT

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

S1 Manakah antara berikut merupakan kegunaan tujuan utama pentaksiran?

- A Mendapat maklumat pelajar.
- B Mengukur pencapaian pelajar.
- C Mengintepretasi maklumat pelajar.
- D Mendapat gambaran prestasi pelajar.

S2

‘maklumat tentang calon berdasarkan skor, mendiskriminasikan calon, menepati tujuan mengadakan sesuatu ujian dan pentaksiran’

Pernyataan di atas menunjukkan definisi bagi

- A Keobjektifan.
- B Kebolehtadbiran.
- C Kemudahtafsiran .
- D Kekomprehensifan.

S3 Apakah faktor yang menentukan keesahan skor?

- A Releven.
- B Kepelbagaian item.
- C Cakupan kurikulum.
- D Aras soalan yang dihasratkan.

S4 Ujian ini dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Pernyataan di atas adalah menerangkan penilaian

- A sumatif.
- B formatif.
- C alternatif.
- D diagnostik.

S5

Merupakan penilaian yang berfokuskan kebolehan seseorang di dalam pembelajaran

Berdasarkan maklumat di atas apakah jenis penilaian yang dimaksudkan?

- A Penilaian berasaskan rubrik.
- B Penilaian berasaskan projek.
- C Penilaian berasaskan portfolio.
- D Penilaian berasaskan keterampilan.

S6

- merangkumi domain kandungan yang hendak dinilai.
- kandungan ujian merupakan sampel 'representative'
- menakrifkan kurikulum dan isi pelajaran kursus yang diajar.

Pernyataan di atas menepati kesahan

- A ramalan.
- B kandungan.
- C berkaitan kriteria.
- D gagasan/konstruk.

S7 Kebolehpercayaan ujian dikira mengikut indeks (r) adalah 0.9. Apakah interpretasi pengkelasan ujian tersebut?

- A Baik.
- B Kurang baik.
- C Sangat baik.
- D Sederhana baik

- S8** Ujian 'Alpha Cronbach' tergolong dalam jenis ujian
- A kestabilan.
 - B kesetaraan.
 - C ketekalan dalaman.
 - D kebolehpercayaan pemerhati.
- S9** Apakah tujuan menggunakan rubrik dalam penilaian?
- A Murid mengetahui tahap pencapaiannya.
 - B Meningkatkan tahap penguasaan pengajaran dan pembelajaran.
 - C Menolong guru membaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan.
 - D Membantu guru dan murid menentukan tahap kualiti tugas yang dikehendaki.
- S10** Manakah diantara amalan di bawah di luar kawalan guru mata pelajaran yang menggubal soalan
- A Item ujian disusun mengikut tertib kesukaran item.
 - B Ruangan menjawab disediakan bagi semua soalan.
 - C Arahan ditulis pada muka hadapan setiap buku soalan.
 - D Persekitaran fizikal di kawasan ujian dalam keadaan kondusif.
- S11** Langkah yang betul untuk guru membina JSU ialah
- A menentukan bilangan soalan, menganalisis objektif pengajaran, menentukan jenis ujian dan mengkaji sukatan pelajaran.
 - B menentukan jenis ujian, mengkaji sukatan pelajaran, menentukan bilangan soalan dan menganalisis objektif pengajaran.
 - C mengkaji sukatan pelajaran, menganalisis objektif pengajaran, menentukan jenis ujian dan menentukan bilangan soalan.
 - D mengkaji sukatan pelajaran, menentukan bilangan soalan, menganalisis objektif pengajaran dan menentukan jenis ujian.

- S20** Amri telah memperolehi skor z bagi mata pelajaran kemahiran hidup ialah 0.6 dan mata pelajaran Bahasa Melayu ialah -0.4. Bandingkan pencapaian dua mata pelajaran tersebut berdasarkan skor T.
- A Pencapaian sains adalah sama dengan kemahiran hidup
 - B Pencapaian sains lebih baik daripada kemahiran hidup
 - C Pencapaian kemahiran hidup lebih rendah daripada sains
 - D Pencapaian kemahiran hidup adalah lebih baik daripada matematik.

Nama Calon :

Matrik :

Kad Pengenalan:

Seksyen:

Nama Pensyarah:

BAHAGIAN B (40 Markah)

S1 Pentaksiran merupakan salah satu alat pengukuran untuk mengesan pencapaian seseorang murid dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

a. Nyatakan tujuan pentaksiran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah

i. _____

ii. _____

[4 markah]

b. Suatu ujian rujukan kriteria mata Pelajaran Kemahiran Hidup bulan Mac 2012, mendapati murid A mendapat skor 48 peratus dan min skor ujian tersebut adalah 36. Apakah maksud skor tersebut?

i. _____

ii. _____

iii. _____

[6 markah]

S2 “Merekod Jualan” merupakan satu tajuk dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup.

Anda dikehendaki membina Hasil Pembelajaran mengikut aras daripada tajuk “Merekod Jualan”

Aras 1

i. _____

ii _____

Aras 2

iii _____

Aras 3

iv _____

[10 markah]

S3 Pengujian merupakan satu proses pengukuran untuk mendapatkan maklumat mengenai satu perkara atau kejadian. Ujian Bertulis pula boleh dibahagikan kepada Ujian Objektif dan Ujian Subjektif.

a. Jelaskan **tiga** kelemahan ujian objektif sebagai instrumen pentaksiran bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.

i. _____

ii _____

iii _____

[6 markah]

b. Jelaskan **dua** kelebihan menggunakan ujian subjektif berbanding ujian objektif .

- i _____

- ii _____

[4 markah]

BAHAGIAN C (40 Markah)

- S1** Sesuatu ujian dikategorikan baik dan berkualiti apabila ia mempunyai kesahan, kebolehpercayaan, keobjektifan, dan kebolehtadbiran

Huraikan ciri-ciri ujian yang dimaksudkan itu.

[20 markah]

- S2** Sebagai guru, anda memberi projek membuat rak kasut kepada pelajar anda.

Nyatakan aspek yang perlu dinilai dan sediakan rubrik pemarkahan untuk menilai produk (projek) rak kasut yang dibina oleh murid. Markah penuh untuk projek tersebut ialah 50 markah.

[20 markah]

- S3** **Jadual S3** menunjukkan markah ujian kemahiran Hidup dan Sejarah tahun enam bagi tiga orang murid iaitu Halimi, Kasim dan Salleh.

Mata pelajaran	Kemahiran Hidup	Matematik
Min ujian	70	55
Sisihan Piawai Ujian	5	10
skor x Halimi	65	85
skor x Kasim	80	80
skor x Salleh	70	60

Jadual S3

Berdasarkan data **Jadual S3**, kirakan skor Z dan skor T markah kemahiran hidup dan sejarah bagi ketiga-tiga pelajar tersebut. Bincangkan pencapaian mereka dalam kedua-dua mata pelajaran.

[20 markah]